



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH SALLEH
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN SSM KE-21**

**PADA
13 APRIL 2023 | 10:00 PAGI**

**LOKASI
AUDITORIUM TUN DR. SITI HASMAH
MENARA SSM@SENTRAL, KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang saya hormati,

YBrs. Tuan Ahmad Sabki bin Yusof
Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif SSM

Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM

Anggota-Anggota Suruhanjaya

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri SSM

Ketua-ketua Jabatan Agensi/ Persekutuan dan Negeri

Wakil-wakil dari badan-badan yang diiktiraf dan setiausaha-setiausaha syarikat

Wakil-wakil Media,

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurniaNya, dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bagi menjayakan **Majlis Ulang Tahun Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang ke-21 dengan tema ‘Semarak Daya Niaga’**.

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada SSM atas undangan yang diberikan kepada saya bagi menyempurnakan majlis yang amat bermakna ini.
3. Tahniah juga saya ucapkan kepada SSM yang diterajui oleh Tuan Ahmad Sabki bin Yusof dan YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz atas penganjuran Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM yang ke-21 ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. SSM yang ditubuhkan pada 16 April 2002 merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, ditubuhkan sebagai pihak berkuasa tunggal di negara ini untuk menyediakan perkhidmatan pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan, serta membekalkan maklumat berkaitan syarikat dan perniagaan kepada orang awam.
5. Selain itu, SSM juga diberi mandat sebagai peneraju utama untuk mempertingkatkan tahap tadbir urus korporat negara, sekaligus berfungsi sebagai pengawal selia dan penguat kuasa pematuhan perundangan korporat dan pendaftaran entiti perniagaan.

6. Hakikatnya, bukan mudah untuk memenuhi tanggungjawab berat tersebut. Alhamdulillah, berkat usaha gigih seluruh warga kerja SSM, pada hari ini kita dapat melihat pencapaian agensi ini sebagai salah satu nama yang memacu kejayaan dalam membina persekitaran perniagaan negara yang sentiasa kondusif. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua warga kerja SSM di atas usaha keras selama 21 tahun lamanya, ke arah menjayakan **visi SSM, menjadi pendaftar dan pengawal selia korporat terulung.**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

7. SSM sentiasa melaksanakan pelbagai transformasi penting, sejak ditubuhkan, sejajar dengan perkembangan perniagaan yang pantas di peringkat antarabangsa dan domestik. Kita telah menyaksikan pemodenan akta-akta yang dikawal selia agar negara ini mempunyai perundangan yang setaraf dengan amalan-amalan korporat terbaik di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, SSM telah berjaya membentangkan sebanyak 11 Rang Undang-undang ke Parlimen berhubung pengenalan atau pindaan pelbagai perundangan yang ditadbir oleh SSM serta mewartakan 37 undang-undang subsidiari.

8. Antaranya termasuk Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, dan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971. SSM juga secara konsisten mengkaji, memperbaiki dan memperkukuhkan kerangka undang-undang yang sedia ada.
9. **Terkini, SSM sedang membuat pindaan bagi menambahbaik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 dan peruntukan-peruntukan berkaitan mekanisma penyelamat korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012.** SSM juga kini sedang merangka Rang Undang-Undang berkaitan **Harta Alih Kepentingan Bercagar (HAKB)**, sebuah rangka perundangan yang akan meneroka penjana modal yang lebih luas bagi peniaga kecil dan sederhana (PKS) serta industri penilaian aset harta alih termasuklah harta intelek yang bakal merangsang inovasi di kalangan peniaga-peniaga tempatan.
10. Selain itu, SSM telah mencatatkan transformasi dari segi penyampaian perkhidmatan kepada digital dengan memperkenalkan portal EzBiz Online, MyCoID, MyLLP dan

MBRS. Transformasi ini mengubah model perniagaan serta operasi SSM yang memanfaatkan keupayaan digital dalam menjadi sebuah agensi pengawal selia yang dipercayai dan seterusnya mendorong pertumbuhan positif sektor korporat di Malaysia.

11. Seterusnya pemeraksanaan teknologi digital ini juga telah **berjaya mengurangkan tempoh masa diambil bagi memulakan perniagaan dan perbadanan syarikat di Malaysia.**
12. Bukan mudah menguruskan maklumat entiti perniagaan sebanyak ini. Setiap maklumat entiti perniagaan ini perlu dikemaskini pada setiap tahun. Jika tiada semangat pasukan yang hebat, memang mustahil menguruskan pelbagai transaksi bagi setiap entiti perniagaan ini. Syabas saya ucapkan kepada SSM!
13. Saya juga difahamkan bahawa SSM telah mewujudkan sebuah portal yang dikenali sebagai **portal SSM4U** yang menjadi saluran terpusat setiap pelanggan bagi mengakses perkhidmatan SSM. Ini secara tidak langsung meningkatkan keberkesanan melalui penambahbaikan kecekapan dan kebolehpercayaan kepada pelanggan serta pihak berkepentingan.

14. Bagi memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pelanggan, **SSM sedang menaik taraf portal SSM4U sedia ada kepada SSM4U version 2.0, yang telah dibangunkan semula menggunakan kepakaran dalaman** selaras dengan aspirasi Anggota Suruhanjaya bagi meningkatkan keupayaan dalaman. SSM4U *version 2.0* ini dilengkapi dengan ciri-ciri yang lebih interaktif dan mesra pengguna. Portal SSM4U *version 2.0* ini akan mula beroperasi pada 17 April 2023. Saya berharap portal ini dapat membantu lebih ramai usahawan memperkasakan perniagaan masing-masing.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Selain daripada usaha mendigitalkan sistem-sistem yang sedia ada ini untuk memudahcara fasiliti perniagaan di Malaysia, SSM juga sentiasa berperanan bagi menyokong ekosistem perniagaan yang sihat, berdaya-maju, berdayasaing dan beretika di Malaysia demi untuk meningkatkan KDNK dan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.
16. Bagi menyokong usaha ini, SSM telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi membantu komuniti korporat untuk melangsungkan perniagaan mereka dalam persekitaran

perniagaan yang kian mencabar ini dan meningkatkan sumber pendapatan bagi isi rumah golongan B40 dan ibu tunggal. Antaranya ialah:

- a. **pengurangan kompaun kepada syarikat yang bermasalah; yang mana sehingga akhir Februari 2023, sebanyak 1,566 syarikat telah memperoleh pengecualian kompaun sebanyak 90% atas pelbagai kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016.**

- b. **memudah cara pendaftaran perniagaan melalui Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dengan pendaftaran perniagaan secara percuma bagi perniagaan *enterprise* dan *trading* (pengecualian fi) terutamanya kepada golongan B40 dan pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa; yang mana seramai 9,424 individu telah berjaya mendaftar perniagaan secara percuma sehingga akhir Februari 2023.**

- c. **Pendaftaran SSM BizTrust secara percuma bagi usahawan yang ingin menjalankan perniagaan secara atas talian dan telah menerima pensijilan SSM: sehingga akhir Februari 2023, sebanyak**

200,613 entiti perniagaan telah berdaftar di SSM BizTrust secara percuma.

17. Sesungguhnya, saya merasakan cukup bangga dengan pencapaian dan transformasi SSM sejak penubuhannya demi memacu sektor perniagaan negara, sejajar dengan perkembangan perniagaan yang pesat di peringkat domestik dan antarabangsa, yang tidak mungkin saya dapat sebutkan di waktu yang singkat ini.
18. Dengan pencapaian semasa yang dicapai oleh SSM, sorotan lain yang ingin saya utarakan adalah keprihatinan tanggungjawab sosial korporat mereka ke arah membantu KPDN dalam menangani kos sara hidup bagi golongan yang memerlukan.
19. Dari 1 Januari 2023 hingga 1 Mac 2023, SSM telah mengagihkan peruntukan Wakalah Zakat Korporat sebanyak RM1,253,837.90 kepada 1,421 golongan asnaf fakir miskin dan asnaf fisabilillah di seluruh negara. Manakala bagi peruntukan CSR pula, dari 1 Januari 2023 hingga 31 Mac 2023, SSM telah mengagihkan sebanyak RM167,557.95 kepada golongan yang memerlukan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, ingin saya tekankan KPDN sentiasa komited dalam memastikan Malaysia berkembang sebagai salah satu destinasi utama untuk menjalankan perniagaan. Peranan yang dimainkan oleh SSM sangat penting dalam memastikan undang-undang berkaitan perniagaan dan korporat di negara adalah setanding perundangan di negara maju bagi menarik minat FDIs (*foreign direct investment*) memilih Malaysia sebagai destinasi perniagaan utama.

21. Besar harapan saya agar pasukan di SSM terus teguh bersatu bagi memastikan perkhidmatan kepada pihak berkepentingan, pelanggan serta orang awam dapat disampaikan dengan cemerlang dan lancar seterusnya menggalakkan pertumbuhan tadbir urus korporat di samping menjana ekonomi negara ini. Selaku Timbalan Menteri yang meneraju SSM, saya berasa bangga atas pencapaian SSM dan menghargai khidmat bakti semua warga kerja yang berusaha ke arah kecemerlangan agensi ini, sepanjang lebih dua dekad penubuhannya.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM Ke-21.

Sekian,

**Wabillahi taufik walhidayah, Wassalam mua'laikum
warahmatullahi wabarakatuh.**